

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT TENAGA KERJA KOTA BAHRU
KELANTAN

OLEH

SITI FATIMAH BINTI RAHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI PEJABAT TENAGA KERJA KOTA BHARU
KELANTAN

Oleh

SITI FATIMAH BINTI RAHIM

Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Siti Fatimah Binti Rahim (UK 8313) mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi Kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Siti Fatimah Binti Rahim (UK 8313)

Tarikh: 27 November 2005

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

DEDIKASI

Untuk ayah dan bonda tercinta yang telah banyak memberi sokongan, bimbingan dan nasihat sepanjang saya menjalani latihan industri. Tidak lupa juga kepada rakan- rakan seperjuangan dan rakan- rakan praktikal dari UKM, UNIMAS dan Politeknik Tanjung Malim yang banyak membantu serta memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan laporan industri ini. Seterusnya kepada semua kakitangan Jabatan Tenaga Kerja khususnya Pejabat Tenaga Kerja Kota Bharu dan amnya Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kelantan yang telah banyak membantu, memberi dorongan dan nasihat serta kerjasama kepada saya dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Segala tanggungjawab yang diberikan dilaksanakan sebaik mungkin dengan bantuan mereka. Terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka semua di atas usaha dan komitmen yang telah diberikan. Sesungguhnya, saya tidak akan melupakan jasa baik kalian semua.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan satu laporan latihan industri. Setinggi penghargaan diucapkan kepada Penolong Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Kanan Kota Bharu, En. Shahabudin bin Abu Bakar yang sudi memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menjalani latihan industri di jabatan ini selama tiga bulan. Ucapan terima kasih juga kepada En. Mohd Nazri bin Zakaria selaku penyelia industri yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara peribadi sepanjang menjalani latihan industri ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan juga kepada Dr. Asyraf bin Hj. Abd Rahman selaku penyelia KUSTEM yang banyak memberi komitmen dan nasihat kepada saya sepanjang menjalani latihan industri. Tidak dilupakan juga kepada kakitangan Jabatan Tenaga Kerja dan KUSTEM yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan bantuan dan kerjasama sepanjang latihan industri. Tidak dilupakan juga kepada kedua ibu bapa yang tercinta dalam memberi nasihat dan sokongan kepada saya untuk menjalani latihan industri dengan baik dan sempurna.

Tidak ketinggalan juga kepada rakan- rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam menyiapkan laporan ini. Tanpa komitmen dan sokongan yang jitu daripada anda semua, tidak mungkin saya dapat melakukannya dengan sebaik mungkin.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
BAB SATU	
Pengenalan	
1.1 Pengenalan Latihan Industri	1-2
1.2 Skop Latihan Industri	3
1.3 Objektif Latihan Industri	4
BAB DUA	
Latar Belakang Organisasi	
2.1 Sejarah Penubuhan	5-6
2.2 Maklumat Organisasi	7
2.3 Visi, Misi, Moto, Falsafah dan Dasar Kualiti	7-8
2.4 Objektif Organisasi	9
2.5 Fungsi Jabatan	9-10
2.6 Piagam Pelanggan	11-12
2.7 Jabatan dan Cawangan di Seluruh Malaysia	13
2.8 Pentadbiran Pejabat	14

2.9 Struktur dan Carta Organisasi	15
2.9.1 Tugas Pegawai JTK	16-17
2.10 Aktiviti Organisasi dan Pkhidmatan Yang Disediakan	17-26
2.11 Undang- undang Yang Dikuatkuasakan	27-33
2.12 Pembangunan Organisasi	34-38
2.13 Analisis Swot	
2.13.1 Kekuatan Organisasi	39-41
2.13.2 Kelemahan Organisasi	41-42
2.13.3 Ancaman Dalam Organisasi	42-44
2.14 Bidang Tugas dan Aktiviti	44-51
2.15 Kajian Keperluan Guna Tenaga	51-52
2.15.1 Guna Tenaga Profesional dan Teknikal	52

BAB TIGA

PENGENALPASTIAN MASALAH

3.1 Sistem Di Jabatan Tenaga Kerja	53-54
3.2 Masalah Organisasi	54-57
3.3 Analisis Masalah dan Perbincangan	
3.3.1 Rumusan	57-58
3.3.2 Cadangan Penyelesaian	58-59
3.4 Kemahiran dan Pengalaman Yang Diperolehi	60-61

BAB EMPAT

PENUTUP

4.1 Kesimpulan 62-63

4.2 Cadangan 64-66

RUJUKAN 67

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual

1.1	Jabatan dan Pejabat JTK Negeri dan Cawangan Di Seluruh Malaysia	13
1.2	Senarai Kakitangan Pejabat Tenaga Kerja Kota Bharu	15
1.3	Aplikasi ELX	37
1.4	Guna Tenaga Profesional dan Teknikal Serta Penawarannya	52

SENARAI RAJAH

Rajah

1.1	Carta Organisasi Pejabat Tenaga Kerja Kota Bharu	
1.2	Proses Kerja Induksi Wajib Untuk Pekerja Asing Yang Bekerja Di Malaysia	26
1.3	Aliran Pekhidmatan ELX	37
1.4	Carta Aliran Penempatan OKU	38
15	Syarat- syarat Mendaftar Bagi Kelulusan Ikhtisas dan Bukan Ikhtisas	45

SENARAI SINGKATAN

- JTK - Jabatan Tenaga Kerja
- KSM - Kementerian Sumber Manusia
- JCS - Job Clearing System
- ELX - Electronic Labour Exchange
- LMD - Labour Market Database
- SKC - Skim Khidmat Cepat
- OKU - Orang Kurang Upaya
- SMPP - Sistem Maklumat Pekhidmatan Pekerjaan
- SPA - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- KWSP - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- PERKESO - Pertubuhan Keselamatan Sosial
- OPSS - Office Productivity Support System
- SISPEN - Sistem Pentadbiran
- ICT - Information Communication Technology
- RMK - Radio Malaysia Kelantan

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Sijil Latihan Industri
Lampiran 2	Pamphlet Sistem ELX
Lampiran 3	Pamphlet Sistem Penempatan OKU
Lampiran 4	Contoh Borang Pendaftaran Kerja Bukan Ikhtisas
Lampiran 5	Contoh Borang Pendaftaran Pencari Kerja Baru
Lampiran 6	Pencapaian Jabatan Tenaga Kerja
Lampiran 7	Buku Tentang Proses Kerja Dan Aktiviti Utama JTK

BAB 1

PENGENALAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM. Latihan Industri merupakan komponen utama dalam pembelajaran di institusi ini. Melalui latihan industri, pelajar dan ditempatkan di agensi awam bagi mendapatkan pengalaman serta berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung tentang suatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi.

Objektif latihan industri adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar tentang alam pekerjaan yang bakal dilalui pada masa akan datang. Dengan adanya latihan industri ini, pelajar akan dapat memahami fungsi sesuatu bidang pekerjaan. Program ini adalah satu langkah yang baik daripada pihak KUSTEM kerana ia merupakan perancangan ke arah masa hadapan bagi membolehkan para pelajar merebut peluang pekerjaan.

Selain itu, program latihan industri juga dapat memberikan pengalaman yang luas kepada pelajar. Pelajar akan dapat mempelajari segala kemahiran sama ada teori ataupun amali. Ekoran itu, segala ilmu dan teori yang dipelajari di dalam kuliah akan dapat diaplikasikan dengan realiti alam pekerjaan. Pelajar juga tidak akan merasa keliru

dengan skop sebenar kerjaya yang bakal ditempuhi kelak. Dengan ini, pelajar akan dapat memahami nilai etika profesional masing- masing.

Di samping itu, ia juga dapat menimbulkan kesedaran pelajar terhadap pembelajaran di KUSTEM. Dengan ini, ia dapat meningkatkan minat dan memberi tumpuan yang lebih kepada pembelajarannya bagi membolehkan mereka bergraduasi dengan lebih cemerlang. Pelajar akan dapat menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi daripada latihan industri dalam semester berikutnya.

Selain meningkatkan minat dan kesedaran, pelajar juga akan lebih bertanggungjawab dan bersifat amanah dalam segala perkara dan tugas yang diberikan. Mereka akan menjalankan tugas dengan sepenuhnya seperti yang telah dipertanggungjawabkan oleh pihak jabatan. Program ini juga membolehkan pelajar membina keyakinan diri untuk meningkatkan semangat bekerja. Ini kerana, ia dapat meluaskan pergaulan di antara satu sama lain sama ada dengan kakitangan atau pelanggan di jabatan tersebut.

Tujuan program ini juga adalah untuk melihat kesanggupan, kemampuan dan kebolehan pelajar bekerja dengan bakal majikan apabila menempuh alam pekerjaan nanti. Selain itu, program ini juga bertujuan memberi peluang kepada para pelajar dalam menunjukkan bakat dan minat serta nilai prestasi diri yang dimilikinya. Di samping itu, ia juga menunjukkan kesungguhan dan minat pelajar untuk mengetahui dan belajar secara lebih mendalam tentang sesuatu organisasi.

1.2 SKOP LATIHAN INDUSTRI

Skop latihan industri adalah lebih kepada pendedahan awal bagi pelajar untuk menempuhi alam kerjaya yang sebenar selepas tamat pengajian nanti. Sepanjang menjalani latihan industri di Jabatan Tenaga Kerja Kota Bharu, ia telah memberi banyak pendedahan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman tentang realiti alam pekerjaan. Ia juga dapat meyakinkan dan mematangkan pemikiran sebagai seorang pelajar untuk menghadapi alam pekerjaan. Skop latihan industri ini juga lebih menumpukan tahap penerimaan pembelajaran untuk mempraktikkan segala ilmu yang telah dipelajari semasa menjalani latihan industri ini.

1.3 OBJEKTIF LAPORAN LATIHAN INDUSTRI

Tujuan utama penyediaan laporan ini adalah bagi memenuhi syarat-syarat dalam menjalani latihan industri (SOS 4299). Objektif laporan adalah berbeza dengan objektif latihan industri yang mana ianya lebih menekankan kepentingan dalam proses menyediakan satu buku laporan lengkap yang berkaitan dengan segala kerja dan aktiviti sepanjang latihan industri. Melalui laporan industri ini, segala butiran mengenai sepanjang penglibatan sama ada kerja secara teori ataupun amali telah diterangkan dengan jelas. Dalam laporan ini, ia merangkumi semua aspek yang berkaitan dengan agensi seperti latar belakang penubuhan, ahli lembaga pengarah, sistem pentadbiran, aktiviti, halatuju, dan juga carta organisasi.

Laporan ini amat penting kerana ianya boleh dijadikan sebagai bahan bukti yang menunjukkan bahawa pelajar telah menjalani latihan industri dengan jayanya. Isi kandungan buku laporan ini juga dapat membuktikan bahawa pelajar telah menjalani latihan industri seperti yang telah ditetapkan. Di samping itu, ia untuk membolehkan pelajar dianugerahkan diploma atau ijazah sarjana muda mengikut bidang pengajian masing-masing. Penyediaan buku laporan yang baik dan bermutu serta kemas membolehkan pelajar menggunakannya untuk tujuan temuduga apabila ingin memohon pekerjaan yang sebenar nanti.

Selain itu, penghasilan buku laporan juga dapat melatih pelajar melaksanakan sesuatu perkara mengikut piawaian dan peraturan serta prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak KUSTEM.

BAB 2

LATAR BELAKANG ORGANISASI

BAB 2

LATAR BELAKANG ORGANISASI

2.1 SEJARAH PENUBUHAN

Jabatan Tenaga Kerja telah ditubuhkan pada tahun 1912 dan merupakan salah sebuah daripada sembilan buah jabatan dan agensi yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Jabatan Tenaga Kerja merupakan salah satu agensi kerajaan sebelum tahun 1960 an. Objektif jabatan ini ialah menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja di sektor perladangan dan lombong. Jabatan Tenaga Kerja asalnya dikenali dengan Pusat Pekerjaan di Jabatan Buruh. Pusat Pekerjaan yang pertama dibuka di Tanah Melayu ialah Pusat Pekerjaan Jabatan Buruh Selangor, yang bertempat di Jalan Petaling, Kuala Lumpur. Pejabat ini dibuka pada 6 April 1953. Pada ketika itu, fungsinya tidak lebih dari menjadi agen perantaraan bagi penawaran dan permintaan tenaga kerja dan menempatkan pencari-pencari kerja yang telah berdaftar ke dalam pekerjaan yang sesuai melalui makluman kekosongan jawatan oleh majikan-majikan. Manakala, Jabatan Tenaga Rakyat pula diwujudkan pada 8 Mei 1969. Ianya berkembang menjadi tiga perkhidmatan penting iaitu Perkhidmatan Pekerjaan, Latihan dan Pengumpulan Data dan Penyebaran Maklumat Pasaran Buruh.

Jabatan Buruh telah ditukarkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) setelah bahagian Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Jabatan Tenaga Rakyat bergabung dengan Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia yang berkuatkuasa pada 19 Februari 2003. Aktiviti penggabungan ini telah membawa perubahan besar kepada jabatan di mana ia bukan